

BAHAGIAN A : SOALAN OBJEKTIF

Pilih jawapan yang betul.


1.

Sejarah ialah tindakan manusia dan sebab-sebab yang dilakukan oleh mereka.

Pernyataan di atas menerangkan makna sejarah oleh seorang sejarawan. Siapakah tokoh tersebut?

- | | | | |
|----|---------------------|----|---------------|
| A. | Muhd. Yusof Ibrahim | C. | Ibn Khaldun |
| B. | Herodotus | D. | Suma Oriental |

2.



Maklumat berikut adalah sumber sejarah. Apakah X?

- | | | | |
|----|---------|----|--------|
| A. | Majalah | C. | Fosil |
| B. | Buku | D. | Akhbar |

3.



Mengapakah sumber sejarah tersebut penting untuk kita?

- | | |
|----|--------------------------------------|
| A. | Menjadi kebanggaan masyarakat dahulu |
| B. | Mendapatkan maklumat yang tepat |
| C. | Merekod cerita lisan |
| D. | Mencatat cerita legenda |

4.



Perbualan berikut adalah antara seorang murid dengan guru di dalam kelas. Apakah kaedah yang digunakan oleh murid itu untuk mencari maklumat sejarah tersebut?

- A. Arkeologi
B. Lisan
C. Bertulis
D. Pandang dengar

5. Maklumat dalam jadual berikut merupakan nama panggilan dalam masyarakat India. Apakah X?

Nama Panggilan	Rujukan
appa	bapa
amma	ibu
X	abang
akka	kakak

- A. annan
B. tenik keral
C. aka
D. ge ge

6. Apakah yang melambangkan identiti sesebuah sekolah?

- I Murid
II Bendera
III Lencana
IV Guru
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

7.



Pemegang jawatan di atas sangat berjasa kepada sekolah kerana _____.

- A. murid sangat menghormati mereka
- B. mereka yang membuat laporan tahunan sekolah
- C. mereka memastikan sekolah dalam keadaan terurus
- D. mereka melaksanakan matlamat pengarah

8. Antara berikut, siapakah yang membunuh J.W.W. Birch?

- | | |
|------------------|------------------------|
| A. Tok Janggut | C. Dato' Maharaja Lela |
| B. Datuk Bahaman | D. Seputum |

9. Apakah lautan yang terbentuk selepas pencairan air batu?

- | | |
|------------------------|------------------|
| I Lautan Pasifik Utara | III Lautan Hindi |
| II Lautan Antartika | IV Lautan Asia |
-
- | | |
|------------------|-------------------|
| A. I, II dan III | C. II, III dan IV |
| B. I, II dan IV | D. Semua di atas |

10. Antara berikut, benua manakah yang paling besar di dunia?

- | | |
|-----------------|--------------------|
| A. Benua Asia | C. Benua Antartika |
| B. Benua Afrika | D. Benua Eropah |

11. Antara berikut, peralatan manakah yang dihasilkan pada Zaman Logam?

- | | |
|-----------|------------------|
| I Beliung | III Sabit |
| II Kapak | IV Serpihan batu |
-
- | | |
|-------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |

12.



Senarai di atas adalah merujuk kepada lokasi masyarakat zaman X di Malaysia. Apakah kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh mereka?

- | | | | |
|----|--------------------|-----|----------------------|
| I | bercucuk tanam | III | memburu binatang |
| II | menternak binatang | IV | memungut hasil hutan |
| A. | I dan II | C. | II dan III |
| B. | I dan IV | D. | III dan IV |

13.

- Wujud pada abad ke 11 Masihi.
- Terletak berhampiran Sungai Dinding
- Terkenal sebagai kawasan penanaman padi

Maklumat di atas merujuk kepada ciri-ciri kerajaan Melayu awal yang terletak di Tanah Melayu. Apakah kerajaan yang dimaksudkan itu?

- | | | | |
|----|---------------|----|-----------|
| A. | Gangga Negara | C. | Chih-Tu |
| B. | Temasik | D. | Kedah Tua |

14. Siapakah yang mengasaskan Kesultanan Melayu Melaka sekitar tahun 1400?

- | | | | |
|----|----------------------|----|-----------|
| A. | Sultan Muzaffar Shah | C. | Hang Tuah |
| B. | Parameswara | D. | Tun Perak |

15. Antara berikut, siapakah yang berperanan menasihati sultan dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka?

- | | | | |
|----|-----------|----|------------|
| A. | Bendahara | C. | Syahbandar |
| B. | Laksamana | D. | Temenggong |

16.



Selat Melaka adalah laluan penting para pedagang untuk berdagang di kerajaan-kerajaan Melayu. Apakah keistimewaan Selat Melaka?

- I mempunyai bilangan penduduk yang berbilang kaum
- II pengeluar hasil laut utama dunia
- III terlindung daripada tiupan angin monsoon
- IV merupakan selat terpanjang di dunia

- | | |
|-------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |

17. Masyarakat kerajaan-kerajaan Melayu bijak memanfaatkan laut. Apakah kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh mereka?

- | | |
|-----------------------|-----------------------------------|
| A. menternak binatang | C. membuat perahu dan layar kapal |
| B. menanam padi | D. berniaga |

18. 18.

Nama Melaka diberi sempena nama pokok Melaka.

Apakah sumber yang menerangkan asal usul nama Melaka tersebut?

- | | |
|-------------------|------------------|
| A. sejarah Melayu | C. pedagang Arab |
| B. Suma Oriental | D. mitos Hindu |

19. Apakah kegiatan ekonomi utama masyarakat Kedah Tua?


- | | |
|----------------|------------------|
| A. pertanian | C. perindustrian |
| B. perdagangan | D. penternakan |

20. Rajah berikut berkaitan dengan susun lapis Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah peranan Laksamana dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?

- | | |
|-----------------------------|------------------------------|
| A. pemimpin angkatan perang | C. penasihat peribadi sultan |
| B. pengawal peribadi sultan | D. ketua diplomat |



Rajah di atas menunjukkan perjalanan Parameswara sebelum membuka petempatan di Melaka. Apakah X?

- | | |
|-----------------|---------------|
| A. Sening ujung | C. Batu Pahat |
| B. Melaka | D. Segamat |

22. Antara berikut, yang manakah sebab Tun Perak membawa pengikut dan keluarga mereka dari Kelang untuk mempertahankan Melaka daripada serangan Siam?

- | |
|--|
| A. menjadi benteng pertahanan |
| B. menambahkan bilangan tentera |
| C. Membangkitkan semangat juang pahlawan |
| D. melemahkan pihak musuh |

23.



Maklumat di atas merupakan peranan seorang pembesar Melaka. Siapakah pembesar X?

- | | | | |
|----|-----------|----|-------------|
| A. | Hang Tuah | C. | Hang Jebat |
| B. | Tun Perak | D. | Parameswara |

24. Mengapakah Tun Perak mengarahkan pengikutnya mengikat jamung di sepanjang pantai Melaka?

- A. Untuk mengelirukan askar Siam yang tiba di waktu malam
- B. Untuk mematahkan serangan Siam
- C. Untuk mengaku kalah kepada musuh
- D. Untuk mengalu-alukan kedatangan askar Siam

25. Antara berikut, yang manakah sahabat karib Hang Tuah yang menderhaka kepada Sultan?

- A. Hang Kasturi
- B. Hang Jebat
- C. Hang Lekir
- D. Hang Lekiu

BAHAGIAN B : SOALAN SUBJEKTIF (25 MARKAH)


Jawab semua soalan.

A. Isi tempat kosong di bawah dengan jawapan yang betul.

Sejarawan	Biodata	Asas	Sejarah
Bumi	Kepulauan	Bendahara	Mesolitik
	Beruas	lisan	

1. Menurut Ibnu Khaldun, _____ menceritakan hal tentang manusia dan perbuatan- perbuatan yang berlaku dalam masyarakat tersebut.
2. Sumber _____ seperti rakaman boleh dijadikan sebagai sumber sejarah.
3. _____ menggunakan tiga kaedah utama untuk mendapatkan maklumat sejarah, iaitu kaedah lisan, kaedah bertulis dan kaedah arkeologi.
4. _____ bermaksud maklumat ringkas diri seseorang seperti nama, jantina, nama ibu bapa, tarikh lahir dan tempat dilahirkan.
5. Keluarga _____ terdiri daripada bapa, ibu dan anak-anak.
6. Zaman Air Batu merupakan zaman ketika air bau menutupi permukaan _____.
7. _____ Melayu terdiri daripada Tanah Melayu, Sumatera, Pulau Jawa, Pulau Borneo, Sulawesi, Mindanao, Palawan, Luzon, Visayas, Cebu dan Ternate.
8. Zaman _____ berlaku antara Zaman Paleolitik dan Zaman Neolitik.
9. Kerajaan _____ wujud sekitar abad ke-15 masihi selepas kemerosotan Gangga Negara.
10. Tun Perak merupakan _____ yang paling lama berkhidmat.

B. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul .

1. Pemukul kulit kayu digunakan untuk melembutkan kulit kayu untuk dijadikan pakaian pada zaman purba. 
2. Bukit Tengkorak, Sabah ialah tapak pembuatan tembikar purba di Asia Tenggara. 
3. Suku kaum Kadazan Dusun memanggil ibu, ma ma dan bapa, b aba. 
4. Panggilan dalam anggota keluarga dapat merapatkan hubungan kekeluargaan. 
5. Guru Penolong Kanan Kokurikulum bertanggungjawab menguruskan hal berkaitan dengan program akademik sekolah 
6. Pentas Sunda ialah tanah daratan yang luas. Apabila pentas Sunda ditenggelami air laut, terbentuklah kepulauan Melayu. 
7. Manusia Zaman Paleolitik hidup berpindah-randah, memburu binatang dan mengumpulkan hasil hutan. 
8. Pada Zaman Logam, mayat dikebumikan menggunakan kubur batu kepingan. 
9. Kerajaan Santubong merupakan sebuah kerajaan kecil di sungai Sarawak yang wujud sekitar abad ke-7 Masihi. 
10. Hang Tuah merupakan pengasas Kesultanan Melayu Melaka. 